

**Bawa Cucu Tunggu Kehadiran TPM
Bernama
24 November , 2011**

SUNGAI PETANI, 24 Nov (Bernama) -- Sepasang suami isteri sanggup bersusah payah membawa cucu mereka yang berusia tiga bulan untuk bersama-sama lebih 3,000 orang menanti kehadiran Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin di Pekan Sungai Lalang dekat sini Khamis.

Ching Jik Ping, 66, dan isterinya Ang Ah Mooi, 58, serta cucu lelaki mereka Ching Xian Yu merupakan antara orang ramai yang menunggu ketibaan Timbalan Perdana Menteri untuk bersarapan bersama pada program Sarapan Pagi 1Malaysia Bersama Masyarakat.

Ching berkata dia datang bersama keluarganya itu dan semata-mata hanya mahu berjumpa Timbalan Perdana Menteri yang belum pernah ditemuinya secara bersemuka.

"Saya berasa gembira dapat jumpa dengan Tan Sri Muhyiddin dan ini pertama kali boleh berjumpa dengan beliau," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Isterinya, Ang pula berkata dia sangat teruja kerana berpeluang berbual dengan Muhyiddin sehingga lupa perkara yang dibualkan mereka.

"Saya terlalu teruja sampai lupa apa Tan Sri (Muhyiddin) tanya dekat saya sebab pertama kali dapat berjumpa dan bercakap dengan beliau, yang saya ingat beliau ada tanya tentang cucu saya ini," katanya.

Program Sarapan Pagi 1Malaysia Bersama Masyarakat hari ini mendapat sambutan menggalakkan daripada penduduk setempat yang gembira dan terharu kerana berpeluang beramah-mesra di samping bersarapan bersama-sama dengan Muhyiddin.

Penduduk Sungai Petani, Solahiah Ab Rahman, 50, berkata dapat berjumpa dengan Muhyiddin secara dekat itu adalah satu peluang keemasan bagi dirinya memandangkan sebelum ini tidak pernah bertemu secara bersemuka dengan pemimpin negara.

"Saya datang sini sebab nak ikut serta sekali. Bukan selalu dapat peluang keemasan seperti ini dan untuk jumpa Timbalan Perdana Menteri, ini kali pertama," katanya yang tinggal di Ambangan Heights, Aman Jaya.

Solahiah berkata program seumpamanya perlu diadakan setiap tahun di seluruh negara bagi mendekatkan masyarakat setempat dengan pemimpin utama negara.

"Kalau boleh program seperti ini dibuat di setiap tempat sekali-sekala misalnya dalam setahun buatlah enam bulan sekali ka, turun pergi ke setiap negeri macam tahun ini ke Kedah tahun depan ke Perak pula, masuk kampung buat acara minum petang ka, dengan ini akan mendekatkan diri pemimpin dengan masyarakat dan orang kampung," katanya.

Solahiah berkata dia tidak menyangka yang Timbalan Perdana Menteri akan datang ke Pekan Sungai Lalang memandangkan kawasannya agak terpencil.

"Memang tidak sangka sebab kalau tidak kawasan ini sunyi sahaja. Sungai Lalang

kawasannya kecil sahaja dengan aktiviti harian pun tidak meriah berbanding Sungai Petani mahupun Alor Setar," katanya.

Seorang peniaga Mohd Sabari Tahir, 44, berkata dia gembira dapat bersua muka dan bersembang dengan Muhyiddin yang sebelum ini wajahnya hanya ditonton menerusi kaca televisyen sahaja.

Alice Arigasamy, 35, yang kebetulan membawa anaknya membuat pemeriksaan di Klinik Desa Sungai Lalang berkata dia dapat merasakan kemesraan Muhyiddin ketika berborak dengan beliau yang bertanyakan tentang kedatangannya bersama anak ke klinik berkenaan.

"Ini pertama kali dapat jumpa Timbalan Perdana Menteri dan saya gembira. Beliau ada tanya berapa orang anak dan ada tanya tentang kedatangan saya ke sini. Saya dapat rasa kemesraan beliau," katanya.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=629474>